

# ال المسلمين

## MUSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiyah



مؤسسة دعوة المسلمين  
مركز الدعوة الإسلامي

# SEPTEMBER 2022 M

Safar - Rabiulawal 1444H  
Tahun 34 • Bil 9



## BERITA UTAMA

### BERKENAN MENGURNIAKAN HADIAH KEPADA JOHAN QARI DAN QARI'AH MUSABAQAH MEMBACA AL-QUR'AN

»3

Menteri Hal Ehwal  
Ugama Menghadiri  
Persidangan  
Antarabangsa Mengenai  
Masyarakat Kohesif  
(ICCOS), Singapura

7

240 Guru Agama Sertai  
Bengkel Pengenalan  
Awal Pengajaran Bahasa  
Arab (PAPBA)

12

Membangun  
Rangkaian Kenalan dan  
Bekerjasama dalam  
Perpaduan Sosial

8

Malam Puisi  
Islam

14

Ekspo Souq  
Al-Qudwah 3.0

10-11

KHEU Bertahlil di Kubah  
Makam Diraja Sempena  
Memperingati Ulang  
Tahun Pelaksanaan  
Pendidikan Ugama  
Formal Ke-66 Tahun



5

### Dikir Maulud Mula Bergema Seluruh Negara

Dikir Maulud diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, selain mengingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam.



6

### Malam Munajat Bersama Al-Huffaz Jemputan dari Republik Indonesia

Malam Munajat kali ke-51 diungkayahkan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan.



9

### Doa Kesyukuran Sempena Hari Guru

Majlis Doa Kesyukuran merupakan salah satu daripada kegiatan keagamaan bersempena dengan Sambutan Hari Guru.



# Zikir Harian

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْ شَبَّحْتَكَ لَيْلَةً كُلَّ لَيْلَةٍ

Tidak ada Tuhan melainkan Engkau, Maha Suci Engkau,  
sesungguhnya aku adalah termasuk orang-orang yang zalim.

## FADHILATNYA:

Barangsiapa yang mengamalkan zikir ini, mendapat ampunan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala, segala keinginannya akan dikabulkan-Nya dan akan mendapat pahala orang yang mati syahid.

## GURU BERKUALITI PEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN

Tema sambutan hari guru pada tahun ini "Guru berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan" memiliki satu maksud yang amat mendalam lebih-lebih lagi dalam merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035. Justeru, guru-guru berperanan utama dalam menyumbangkan dan melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Dalam memastikan transformasi berkenaan dapat direalisasikan dengan lebih efektif, guru yang berkualiti menjadi tulang belakang kepada usaha berkenaan kerana mereka mempunyai impak langsung terhadap anak-anak didik mereka di sekolah. Secara tidak langsung, guru juga adalah penggerak kepada kecemerlangan seseorang individu di dunia dan di akhirat.

Oleh itu, masyarakat hendaklah menghargai jasa-jasa guru kerana jasa mereka ini terlalu besar pada pandangan masyarakat apatah lagi di sisi Allah Subhanahu wa Ta'ala. Semoga semua ilmu dan jasa yang telah dicurahkan oleh warga pendidik di negara ini akan terus bermanfaat dan diberkati oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Mudah-mudahan para guru dan pendidik akan terus berusaha dalam memacu transformasi pendidikan serta menjayakan matlamat untuk membina masyarakat yang beriman, berilmu dan berwawasan.

## Anggota Redaksi



**PENASIHAT:** Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyatı binti Haji Ahmed, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran] • **PENYELARAS:** Azizah binti Hidup • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlia bin Chuchu • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • Hazey Suzainah binti Shaya • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

## Lidah Pengarang |



## BERKENAN MENGURNIAKAN HADIAH KEPADA JOHAN QARI DAN QARI'AH MUSABAQAH MEMBACA AL-QUR'AN

Oleh : Azizah Hidup



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443H/2022M di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**BERAKAS, Khamis, 5 Safar bersamaan 1 September** – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443H/2022M. Majlis berlangsung di Dewan Plenari Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, dengan membawa tema "Bertemankan Al-Qur'an Sepanjang Zaman."

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis tersebut dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1443H/2022M; Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie; dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1443H/2022M.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah pun berkenan mengurniakan titah di Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443H/2022M. ms.4



BERKENAN menyampaikan titah di Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443H/2022M.



**PERSEMBAHAN daripada johan Qari dan Qari'ah Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443H/2022M.**

«**3** Seterusnya Pengumuman Keputusan ms. Pertandingan yang disembahkan oleh Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku Pengerusi Jemaah Hakim. Majlis diikuti dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an oleh Johan Qari dan Qari'ah Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443H/2022M.

Johan qari di Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443H/2022M disandang oleh Yang Mulia Awang Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah dengan mencatatkan markah 93.25 peratus dan johan qariah pula disandang oleh Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri dengan mencatatkan markah 92.65 peratus.

Sementara naib johan qari ialah Yang Mulia Awang Mohammad bin Ali, dengan markah 92.32 peratus dan tempat ketiga dimenangi oleh Yang Mulia Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya dengan mendapat markah 91.25 peratus.

Manakala, naib johan qariah diraih oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Awang Emran dengan markah 90.91 peratus sementara tempat ketiga pula dimenangi oleh Yang Mulia Dayang Siti Zahrina binti Haji Abdul Wahab dengan markah 89.83 peratus.

Majlis juga diserikan dengan persembahan khas daripada al-Hafiz dan al-Hafizah luar biasa yang dijemput khas dari Republik Indonesia iaitu Muhammad Naja Hudia Afifurrahman Agusfian, al-Hafiz yang berkelainan upaya, menghidap lumpuh otak (cerebral palsy) sejak lahir; dan Nur Syahwa Syakhila Muhammad Sabhan, yang berkelainan upaya, mengalami gangguan pada penglihatan (tunantera) sejak lahir.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



**PERSEMBAHAN daripada johan Qari dan Qari'ah Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443H/2022M.**

Darussalam berkenan menganugerahkan hadiah-hadiah dan cenderamata kepada Johan Qari dan Qari'ah serta peserta-peserta, hakim-hakim dan al-Hafiz dan al-Hafizah jemputan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443H/2022M.

Johan menerima wang tunai tujuh ribu ringgit Brunei (\$7,000); piala pusingan, piala iringan, sijil penyertaan dan pakej menunaikan fardhu Haji, bagi johan kali pertama serta akaun Tekad Haji berjumlah satu ribu lima ratus ringgit Brunei (\$1,500) sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB Holdings Sdn Bhd dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd; sebidang kain tenunan Brunei sumbangan daripada Syarikat Little Ummi.

Naib Johan menerima wang tunai lima ribu ringgit Brunei (\$5,000); piala iringan, sijil penyertaan; akaun Tekad Haji berjumlah satu ribu ringgit Brunei (\$1,000) sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd dan Darussalam Holdings Sdn Bhd.

Tempat Ketiga menerima wang tunai tiga ribu ringgit Brunei (\$3,000); piala iringan, sijil penyertaan; akaun Tekad Haji berjumlah tujuh ratus ringgit Brunei (\$700) sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan. ■



**Majlis turut menyaksikan persembahan khas daripada al-Hafiz dan al-Hafizah istimewa yang dijemput khas dari Republik Indonesia.**

## DIKIR MAULUD MULA BERGEMA SELURUH NEGARA

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bersama tetamu lain pada majlis pembukaan Dikir Syarafil Anam di Masjid Omar 'Ali Saifuddien kelmarin.**

### BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Rabiulawal bersamaan 26 September

– Sempena memperingati hari keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, Majlis Pembukaan Dikir Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien sekali gus menandakan bermulanya pembukaan Dikir Syarafil Anam di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bagi tahun 1444H/2022M selama 12 malam berturut-turut mulai malam ini. Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Acara dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Tetamu Kehormat Majlis. Diikuti dengan tazkirah mengenai 'Kelebihan Berselawat' disampaikan oleh Yang Mulia Awang Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud, Mahasiswa Sarjana Perguruan Ugama Kajian Ahli Sunnah wal Jama'ah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Sementara Dikir Assalamualaika dibawakan oleh Kumpulan Pegawai dan Pedikir Masjid Omar Ali Saifuddien. Sementara Dikir Khairuman dibawakan oleh Persatuan BASMIDA. Manakala Dikir Al-Hamid Sidiq dibawakan oleh Persatuan Perangkap, Kampung Burong Pingai Berakas.

Seterusnya Dikir Bishahrin dibawakan oleh Pertubuhan Zaidana, STKRJ



**ANTARA Kumpulan Pendikir yang mempersembahkan dikir dalam Majlis Pembukaan Dikir Maulud Di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.**

Tungku Katok. Diikuti Dikir Badat Si Japar dibawakan oleh Gabungan Persatuan Kampung Belimbing dan Kampung Subok. Kemudiannya Dikir Asyaraqal dibawakan oleh Pedikir Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Manakala Doa Dikir dibacakan oleh Yang Mulia Yang Mulia Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop, Pegawai Masjid, Masjid Omar Ali Saifuddien. Sementara Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibacakan oleh Yang Mulia Begawan Mudim Haji Emran bin Haji Mohd Salleh, Pegawai Masjid, Masjid Omar Ali Saifuddien dan diakhiri dengan membaca Selawat Tafrrijiyah sebanyak 3 kali beramai-ramai.

Majlis berkenaan diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, selain mengingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam yang merupakan antara acara hari-hari kebesaran Islam yang disambut oleh umat Islam di negara ini. Di samping itu, dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan jemaah masjid dan penduduk kampung. ■

## MALAM MUNAJAT BERSAMA AL-HUFFAZ JEMPUTAN DARI REPUBLIK INDONESIA



Oleh : Dahlan Chuchu

Seterusnya Doa Munajat dibacakan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwel Masjid dari Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampong Sungai Kelugos. Acara diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Meraih Keampunan-Nya' disampaikan oleh Awang Haji Mohammad Ali Wafiuuddin bin Haji Osman, Da'e Bertaullah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan antara yang menyertai Malam Munajat secara maysa.**

### BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Safar bersamaan 3 September

– Malam Munajat Anjuran Kementerian Hal Ehwel Ugama (KHEU) yang diadakan secara maysa setiap hari Sabtu malam Ahad terus mendapat sambutan yang memberangsangkan serta sokongan padu dan kerjasama erat daripada kementerian-kementerian di negara ini.

Malam Munajat kali ke-51 ini diungkayahkan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan. Penyertaan minggu ini terdiri daripada warga kerja kedua-dua Kementerian berserta ahli keluarga masing-masing, wakil lembaga-lembaga dan pertubuhan di bawah kawalan Kementerian Pembangunan, serta jemaah dari 87 buah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Menyertai acara Malam Munajat minggu ini ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwel Ugama dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Malam Munajat minggu ini juga disertai oleh dua orang al-Hafiz jemputan dari Republik Indonesia, iaitu Muhammad Naja Hudia Afifurrahman Agusfian, al-Hafiz berkelainan upaya yang menghidap lumpuh otak (cerebral palsy) sejak lahir dan Nur Syahwa Syakhila Muhammad Sabhan, yang berkelainan upaya mengalami gangguan pada penglihatan (tunantera) sejak lahir.

Acara dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatiha dipimpin oleh Yang Mulia Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan dari surau Kementerian Pembangunan.

Acara diteruskan dengan bacaan surah Yasin beramai-ramai dipimpin oleh Muhammad Naja Hudia Afifurrahman Agusfian, al-Hafiz jemputan dari Indonesia.

## MENTERI HAL EH WAL UGAMA MENGHADIRI PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI MASYARAKAT KOHESIF, SINGAPURA



**MENTERI Hal Ehwel Ugama semasa menghadiri International Conference on Communities of Success (ICCOS), yang diadakan dari 9 hingga 10 September 2022 di Republik Singapura.**

### SINGAPURA, Sabtu, 13 Safar 1444H bersamaan 10 September 2022H

– Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwel Ugama dan rombongan telah menghadiri Persidangan Antarabangsa 3 hari iaitu International Conference on Communities of Success (ICCOS), yang diadakan dari 9 hingga 10 September 2022 di Republik Singapura.

Rombongan terdiri daripada Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwel Ugama; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, serta Yang Mulia Pengiran Muhammad Azrin bin Pengiran Jarail, Pegawai Tugas-Tugas Tingkat I, juga dari Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Kementerian Hal Ehwel Ugama dan; Yang Mulia Awang Haji Razali bin Haji Mahal, Pegawai Pelajaran Ugama di Kementerian Hal Ehwel Ugama.

International Conference on Communities of Success (ICCOS) dianjurkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dengan tema "Warga Negara Penyumbang,

Oleh : Hajah Ratna Wati  
Haji Abdul Karim

terkenal, pegawai negeri dan pemimpin masyarakat.

Perkongsian Perbincangan Panel Persidangan itu termasuk mengenai pengalaman berugama dalam masyarakat majmuk dalam memupuk syaksiah untuk komuniti yang berjaya dengan hasrat untuk menjalani kehidupan sosio-agama yang maju dan berjaya bagi melahirkan masyarakat cemerlang serta membangunkan masyarakat Islam yang kompeten dalam konteks yang pelbagai dan modern yang memfokuskan kepada peranan reformasi pendidikan dan usaha pembangunan sosial berpaksikan prinsip-prinsip dan nilai-nilai keugamaan; Meningkatkan perpaduan sosial dan warganegara yang aktif dengan hasrat untuk membina institusi yang teguh dan berdaya tahan.

Persidangan Antarabangsa itu juga dihadiri oleh para delegasi daripada negara-negara anggota MABIMS.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam ke persidangan tersebut dihasilkan untuk meraih perkongsian ilmu dan amalan-amalan terbaik di samping mengeratkan hubungan silaturrahim antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura khususnya antara Kementerian Hal Ehwel Ugama dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). ■



**MENTERI Hal Ehwel Ugama bergambar ramai sebelum berlepas ke Republik Singapura bagi menghadiri International Conference on Communities of Success (ICCOS).**

## MEMBANGUN RANGKAIAN KENALAN DAN BEKERJASAMA DALAM PERPADUAN SOSIAL

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



SERAMAI empat (4) orang pegawai di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam menghadiri Persidangan Antarabangsa Mengenai Masyarakat Kohesif (International Conference on Cohesive Societies) di Republik Singapura. Rombongan diketuai oleh Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah.

**SINGAPURA, Rabu, 10 Safar bersamaan 7 September –** Seramai empat (4) orang pegawai di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam menghadiri Persidangan Antarabangsa Mengenai Masyarakat Kohesif (International Conference on Cohesive Societies) yang sedang berlangsung di The Raffles City Convention Centre, Republik Singapura.

Delegasi dari Kementerian Hal Ehwal Ugama itu terdiri daripada Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah selaku ketua rombongan; Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS; Awang Muhammad Yusoff bin Abd Majid, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama; dan juga Dayangku Musharafah binti Pengiran Haji Kamarudin, Pegawai Pelajaran, Bahagian Perhubungan

Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah bertolak meninggalkan negara ini pada 5 September lalu.

Persidangan selama tiga hari bermula dari 6 hingga 8 September 2022 menghimpunkan lebih dari 800 peserta termasuk para cendekiawan

dari pelbagai latar belakang akademik, perwakilan daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta serta kumpulan agama tempatan dan antarabangsa.

Persidangan ini juga memuatkan Program Pemimpin Muda yang membolehkan pemimpin-pemimpin muda di peringkat serantau dan antarabangsa menggunakan platform persidangan ini untuk membangun rangkaian kenalan dan bekerjasama dalam perpaduan sosial dan pembangunan masyarakat.

Antara agenda persidangan termasuk membincangkan peranan agama dalam merapatkan jurang, peranan identiti dalam mencorak bagaimana individu berhubung sesama sendiri dan dengan masyarakat kalangan mereka, serta kepentingan teknologi dalam merapatkan jurang perbezaan dan memupuk kepercayaan bersama. Persidangan ini juga adalah sebagai platform untuk peserta-peserta dari banyak negara berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar buah fikiran ke arah membina masyarakat bersepadu dan harmoni. ■



DELEGASI dari Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa bergambar ramai.

## DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI GURU

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menunaikan sembahyang sunat hajat berjemaah.

**BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Safar bersamaan 22 September –** Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bersempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam ke-32 bagi tahun 2022 di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Tema bagi Sambutan Hari Guru pada tahun ini ialah 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.

Hadir di majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh.

Turut hadir; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap KHEU, Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr Haji Azman bin Ahmad;ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); timbalan-timbalan setiausaha tetap



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa menghadiri majlis tersebut.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa membaca Rattib Al-Attas.

di KHEU dan Kementerian Pendidikan, serta ketua-ketua jabatan dan bahagian dari kedua-dua buah kementerian berkenaan.

Majlis dimulakan dengan sembahyang sunat hajat berjemaah bagi menghindari sebarang wabak berbahaya dan memohon keselamatan Negara Brunei Darussalam, diimamkan oleh Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Mohammad Hasnal bin Haji Mohammad yang seterusnya mengimamkan sembahyang fardhu Asar berjemaah.

Manakala, bacaan Rattib Al-Attas dan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Mohd Salleh.

Seramai 1,200 orang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan termasuk guru-guru dari sekolah-sekolah, maktab-maktab, institusi pengajian tinggi dan teknikal dari Kementerian Pendidikan dan KHEU menghadiri majlis tersebut.

Majlis Doa Kesyukuran itu merupakan salah satu daripada kegiatan-kegiatan keagamaan bersempena dengan Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dan KHEU. ■

## EKSPO SOUQ AL-QUDWAH 3.0

Oleh : Azizah Hidup



**YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama berkenan merasmikan Ekspo Souq Al-Qudwah 3.0 di Shopping Mall One City.**

**SALAMBIGAR, Khamis, 3 Rabiulawal bersamaan 29 September –**  
Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin berkenan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Ekspo Souq Al-Qudwah 3.0 bertempat di One City Shopping Mall, Sungai Hanching.

Ekspo Souq Al-Qudwah 3.0 yang berlangsung selama 4 hari bermula 29 September 2022 hingga 2 Oktober 2022 itu dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan rakan-rakan strategik: Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Qalam Academy.

Atur cara majlis dimulakan dengan Bacaan Sayidul Istighfar; surah al-Fatiha dan Doa Allah Peliharakan Sultan oleh Yang Mulia Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar, Pegawai Pelajaran Ugama. Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku pengurus majlis. Diikuti dengan ucapan daripada Yang Mulia Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsafeloh, Ketua Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) selaku Pengurus Bersama Majlis.

Majlis diselanjurkan dengan Penyerahan Sumbangan Buku 'Bimbingan Asas Fardhu 'Ain' daripada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Selain jualan, Ekspo Souq Al-Qudwah juga menganjurkan pelbagai peraduan menarik untuk para pengunjung seperti Peraduan Menulis Jawi, Membaca Jawi, Membaca Sayidul Istighfar, Menghafaz Surah-Surah Lazim, Menulis Seni Khat dan banyak lagi.

Turut memeriahkan eksposelama 4 hari itu ialah Persembahan Tausyeh oleh Belia-Belia da'ie dan Belia-Belia As-Syahadah daripada Program Keugamaan Belia; dan Tazkirah



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin melihat lebih dekat lagi produk jualan dan pameran di ekspo berkenaan.**

Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam, serta acara Malam Puisi Islam.

Ekspo Souq Al-Qudwah diadakan antara lain bertujuan untuk mewujudkan pasar berkoncepcian 'muslimpreneurs' yang boleh menjadi pemasu dan contoh tauladan kepada umat Islam khususnya, dalam mempertingkatkan dan memperkembangkan Syiar Islam serta menyediakan ruang niaga bagi usahawan-usahawan agar mereka dapat menceburi minat dan keupayaan dalam bidang keusahawanan.

Adalah diharapkan melalui eksposelanjut juga dapat membantu

mengubah pola berfikir, imej serta keyakinan kalangan usahawan terutamanya asnaf yang kurang berkemampuan dan mereka yang menerima bantuan kebajikan bulanan agar terus memacu perubahan untuk menjadi usahawan mandiri yang berjaya sekali gus dapat mengeluarkan diri mereka dari kepompong kemiskinan kepada kehidupan yang lebih baik di masa hadapan.

Antara usahawan-usahawan yang turut menyertai ekspos jualan dan pameran ialah Ahli-Ahli Konsortium Muallafpreneurs, Belia Muallaf As-Syahadah, Kedai buku Pusat Da'wah Islamiah, Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Ahli-Ahli Penerima Agihan Zakat Majlis Ugama Islam (MUIB)

dan (PROPAZ) di bawah Program Pengupayaan Asnaf Zakat Usahawan Bekarieh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kaligrafi Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rakan Seliaan dan INSAF, Program BIBDSEED dan Transformasi Satu Kampung Satu Produk (IKIP).

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, dan Timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang. ■



**TURUT hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, dan Timbalan Setiausaha Tetap, Yang Mulia Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang**

## 240 GURU AGAMA SERTAI BENGKEL PENGENALAN AWAL PENGAJARAN BAHASA ARAB (PAPBA)

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



PENGIRIAN Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim menyampaikan ucapan perasmian Bengkel PAPBA.

### BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 Safar bersamaan 21 September

– Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Bahasa mengadakan Bengkel Pengenalan Awal Pengajaran Bahasa Arab (PAPBA) untuk 240 guru agama yang akan bermula 28 September hingga 19 November 2022.

Perasmian bengkel berkenaan telah berlangsung di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan perasmian berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir ialah Ra'es KUPU SB, Dr Haji Adanan bin Haji Basar, pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan KUPU SB serta mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB. Dalam ucapan perasmiannya, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim antara lain menjelaskan

bahawa bengkel berkenaan adalah sangat diperlukan dan bermanfaat dalam meningkatkan mutu pengajaran Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah agama.

"Ia bertepatan dengan fungsi KUPU SB dalam menyediakan guru-guru agama terlatih dan profesional yang tidak hanya terhad kepada pelajar saja tapi kepada penjawat awam yang memerlukan khidmat KUPU SB," ujarnya.



ANTARA Guru-guru yang ikut serta dalam bengkel tersebut.

Beliau seterusnya berharap, bengkel tersebut akan memberi peluang kepada peserta untuk mendapatkan pengetahuan asas yang terpenting dalam pengajaran bahasa; terdiri dari penulisan persediaan mengajar, pelaksanaannya dan juga penilaianya. Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada 20 peserta Bengkel Lughatul Mu'allim siri 5.0 yang telah diadakan pada 2021.

Bengkel PAPBA merupakan program intensif yang direka sebagai pengenalan awal dalam jangka masa pendek dan diharatkannya untuk menampung keperluan khas guru dari segi pengetahuan dan kemahiran asas pedagogi yang disampaikan melalui kuliah, perbincangan dan latihan singkat.

Matlamat utamanya adalah bagi menanamkan keyakinan peserta dalam pengajaran Bahasa Arab, selain memberi kefahaman mengenai konsep asas mendidik, mengajar dan melatih serta penyediaan rancangan pengajaran Bahasa Arab.

## MAJLIS PENYERAHAN AGIHAN ZAKAT MODAL PERALATAN BERUSAHA

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



YANG Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei semasa Penyerahan Agihan Zakat Modal Peralatan Berusaha bagi pembelian perahu, enjin dan trailer kepada antara penerima.

### GADONG, Rabu, 2 Rabiulawal bersamaan 28 September – Asnaf Fakir Miskin di Negara Brunei Darussalam terus mendapat perhatian Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) demi meringankan beban hidup mereka.

Sehubungan dengan itu, pagi tadi telah diadakan Majlis Penyerahan Agihan Zakat Modal Berusaha bagi pembelian perahu, enjin dan trailer kepada 5 orang Asnaf berkenaan terdiri daripada: Awang Asrimi bin Amit dari Kampong Belais, Daerah Temburong; Awang Mohd Bakri bin Haji Abu Bakar dari Kampong Rataie, Daerah Temburong; Awang Ibrahim bin Ahad, Kampong Belais, Daerah Temburong; Awang Abdul Rahman bin Haji Rosli, Kampong Sungai Besar, Daerah Brunei Muara; dan Awang Azmi bin Haji Mazin, RPN Kampong Katok B, Daerah Brunei dan Muara.

Semua peralatan yang diserahkan tersebut berjumlah \$40,610.00 (Empat Puluh Ribu Enam Ratus Sepuluh Ringgit) dan diambil dari peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin Majlis Ugama Islam Brunei.



YANG Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei bergambar bersama penerima bantuan.



SYARIKAT Ken & Tan Sdn. Bhd. sebagai pembekal modal peralatan.

## MALAM PUISI ISLAM

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



YANG Mulia Awang Haji Abd Rajid Bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah berkesudian hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Malam Puisi Islam.



PERSEMBAHAN Syair oleh Yang Mulia Awang Muhammad Safwan bin Mohd Suffian.

### SALAMBIGAR, Jumaat, 4 Rabiulawal bersamaan 30 September

- Persembahan Malam Puisi Islam telah diadakan bagi memeriahkan lagi Sambutan Maulidur Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam di samping memperkembangkan syiar Islam melalui persembahan puisi Islam dan juga menyokong aktiviti Muallafpreneur. Persembahan diadakan di pentas Ekspo Souq Al-Qudwah 3.0 di OneCity Shopping Centre, Sungai Hanching, yang mana acara ini dikendalikan oleh Bahagian Kajian dan Penerbitan, Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Awang Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Acara dimulakan dengan Bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatiha dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan yang dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd Asrul Nizam bin Haji Ahmad.



PERSEMBAHAN Deklamasi Sajak Khas oleh Yang Mulia Awang Saifullah bin Md. Sofian.



PERSEMBAHAN Tausyeh oleh Kumpulan I-Musta'iddin, Pusat Da'wah Islamiah.

Antara lain acara diisikan dengan persembahan Deklamasi Sajak Khas oleh Yang Mulia Awang Saifullah bin Md. Sofian dan persembahan Syair oleh Yang Mulia Awang Muhammad Safwan bin Mohd Suffian. Diikuti dengan persembahan Deklamasi Sajak oleh Yang Mulia Dayang Hazey Suzainah binti Shaya; dan diteruskan dengan persembahan Tausyeh oleh Kumpulan I-Musta'iddin, Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis diakhiri dengan Dikir Syarafil Anam beramai-ramai yang dipimpin oleh Kakitangan Bahagian Kajian dan Penerbitan, Pusat Da'wah Islamiah. ■

## PENYAMPAIAN SIJIL BAGI PARA PESERTA BENGKEL PENYEMPURNAAN JENAZAH KELAS BIMBINGAN MUSLIMAH

Oleh : Azizah Hidup



HADIR selaku Tetamu Kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Yang Mulia Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi, Isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.



ANTARA peserta yang menyertai Bengkel Penyempurnaan Jenazah.

### TUTONG, Selasa, 23 Safar bersamaan 20 September

- Lebih 100 orang telah mengikuti Bengkel Penyempurnaan Jenazah bagi Kelas Bimbingan Muslimah seluruh negara yang diadakan di keempat-empat daerah mengikut jadual yang ditetapkan.

Sehubungan itu Majlis Penyampaian Sijil bagi Para Peserta Bengkel Penyempurnaan Jenazah Kelas Bimbingan Muslimah Seluruh Negara berkenaan telah diadakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampong Sengkarai.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya berkesudian menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi.

Bengkel tersebut diungkayahkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah bertujuan untuk memberikan ilmu pengetahuan dan tatacara dengan lebih mendalam



DEMONSTRASI penyempurnaan jenazah turut diadakan semasa majlis penyampaian sijil tersebut.

## Majlis Pengislaman SEPTEMBER 2022



### STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Umgama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2022



بِلِ اتَّبَعَ الَّذِينَ ظَلَمُوا هُوَ أَهْوَاهُمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَمَنْ يَهْدِي مِنْ أَضَلَّ اللَّهُ  
وَمَا لَهُمْ مِنْ نَصْرٍ

#### Mafhumnya:

Bahkan orang-orang yang zalim itu menurut hawa nafsu mereka dengan tidak berdasarkan ilmu pengetahuan. Maka siapakah yang dapat memberi petunjuk kepada orang yang telah dibiarkan sesat oleh Allah (disebabkan keingkarannya)? Dan mereka tidak akan beroleh penolong-penolong (melepaskan mereka daripada azab)

Surah ar-Ruum ayat 29

## | Features |

### DIVINE MAHABBAH

*Love of Allah, for Allah,  
by Allah, With Allah*

Sharifah Khadijah Husien Alkaff

#### Mahabbah of the Prophets and the Believers

This is also obligatory because loving Allah Subhanahu wa Ta'ala dictates that one should love the people who obey Him, in other words the Prophets and the righteous people. As 'Umar ibn al-Khattab said: "You have seen us at the time of the Messenger of Allah: none of us would think that he had more right to his own money than his muslim brother." Mujahid said: "Those who love each other for Allah's sake, when they smile at each other, their sins fall from each other, just as the leaves fall from a tree before the winter."

#### Allah's Mahabbah for His Creations

Allah's love is translated in His attributes of forgiveness, compassion, and mercy. While His love is bestowed lavishly on those who earned it, His mercy is unconditional. You receive it whether you are an obedient person, a sinner, or even a pagan or idolater. If a non-believer sincerely asks Allah's help or protection in an emergency, he gets it, although Allah knows he will turn back to sin as soon as he is rescued. Despite this, he is given an

unconditional dose of Allah's infinite mercy that he may find the right path. In surah Yuunus verse 12, Allah Subhanahu wa Ta'ala says:

*And when any trouble touches man, he calls upon Us lying down or sitting down or standing up but when We remove his hurt from him, he walks away as if he had never called upon Us for a hurt that touched him! Thus it seems fair to the transgressors that which they used to do.*

Allah's forgiveness has no limits and the only condition is asking for it: In surah az-Zumar verse 53, Allah Subhanahu wa Ta'ala says:

*O My servants! Those (of you) who have been immoderate against their own souls, despair not of the mercy of Allah; surely Allah forgives all sins. Surely He is the Forgiving, Most Merciful.*

Forgiving sins and accepting repentance is a manifestation of Allah's love. He is absolutely just and fair to the minutest detail, so everyone gets exactly what they deserved, plus extra measures of compassion, mercy, and forgiveness.

In a hadits by Imam at-Tirmidzi from Anas ibn Malik narrated that the Prophet Shallallahu 'alaihi wa sallam said: "Allah Subhanahu wa Ta'ala said: O son of Adam, Were your sins to reach the clouds of the sky and were you then to ask forgiveness of Me, I would forgive you. O son of Adam, were you come to Me with sins nearly as great as the earth and were you then to face Me, ascribing no partner to Me, I would bring you forgiveness nearly as great as it."

Evidence of Allah's love for man can be found aplenty in al-Qur'an:

(Surah Aali-'Imraan verse 76)  
...Allah loves those who are pious.

(Surah Aali-'Imraan verse 134)  
Allah loves the doers of good.

(Surah Aali-'Imraan verse 146)  
Allah loves the patient.

(Surah Aali-'Imraan verse 159)  
Allah loves those who put their trust (in Him).

(Surah as-Shaff verse 4)  
Allah loves those who fight in His Path in ranks.

The hadits also speaks of Allah's Subhanahu wa Ta'ala love for man and how this love is sometimes manifested – for e.g. :

In a hadits by al-Bukhari narrated from Abu Hurairah Radhiallahu 'anhу: the Prophet Shallallahu 'alaihi wa sallam said:

"If Allah loves a person, He calls Jibril, saying, Allah loves so-and-so; O Jibril love him." So Jibril would love him and then make an announcement amongst the inhabitants in the Heavens: "Allah loves so-and-so, therefore you should love him also." So all the dwellers of the Heaven would love him, and then he is granted the pleasure of the people on the earth.

## Orang-Orang yang Bersama Rasulullah

*Shallallahu 'alaihi wa sallam*



Saiyidatina Khadijah binti Khuwailid

Isteri Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dan wanita pertama yang memeluk Islam.

Tsuwaibah al-Aslamiyah

Ibu susuan pertama yang menyusui Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam.

Halimatus Sa'diyah

Ibu susuan kedua yang menyusui Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam.

Abdul Muthalib

Datuk yang menjaga Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam setelah kewafatan ibunya.

Abu Thalib

Setelah datuknya wafat, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dijaga pula oleh bapa saudaranya.

Ummu Aiman

Pengasuh pertama Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam.



### PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
HAJI HASSANAL BOKIAH  
MUIZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN  
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIN  
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DANYANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA  
SAMBUTAN ISRA' DAN MI'RAJ  
PERINGKAT NEGARA  
BAGI TAHUN 1442H/2021M



### 'Ciri-Ciri Ketaatan'

“Keuntungan di dunia bagi orang sembahyang ialah, akan beroleh ketenangan dan keselamatan, sementara bagi pengeluar zakat, telahpun dijanjikan pertambahan harta, bukannya kurang. Dan manakala keuntungan di akhirat pula, akan diganjar oleh Allah dengan syurga-Nya.

Adalah menjadi syarat umum bagi memperolehi syurga itu, ialah dengan melakukan ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya, di mana antara ciri-ciri ketaatan itu, ialah mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, di samping juga tidak mengabaikan segala amal taat yang lain-lain. Orang-orang yang berada di dalam lingkungan ini akan menerima janji Allah, sebagaimana firman-Nya dalam surah an-Nisaa' ayat 13, Mafhumnya:

“Barang siapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, akan dimasukkan ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Mereka itu kekal di dalamnya, dan itulah kejayaan yang amat besar.”

### | Program Keugamaan Belia |

#### PENTINGNYA MASYARAKAT MENDALAMI TEORI DAN MEMPERKASA ASAS-ASAS FARDHU 'AIN

PULAI, 19 Safar bersamaan 16 September

— Seramai 150 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah (PDI), ahli-ahli Jawatankuasa Belia Daie serta orang awam telah menyertai Ilm Series bertajuk Memahami Jenis-jenis Darah Wanita yang berlangsung di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah.



CERAMAH disampaikan oleh Dr. Zurairatul Zakiah binti Dato Seri Setia Haji Rajid, selaku penceramah jemputan.



ANTARA peserta yang hadir menyertai Program Ilm Series bertajuk Memahami Jenis-jenis Darah Wanita.

kaum lelaki selaku suami dan bapa yang berperanan memastikan bahawa isteri dan anak-anak perempuan mereka mendapat pengetahuan secukupnya mengenai ilmu agama.

Di samping itu, program juga diadakan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan ahli-ahli Jawatankuasa Belia Daie selain memberi galakan dan bersedia ke hadapan membantu masyarakat awam yang memerlukan panduan dan jawapan bagi sebarang kemasukan tentang pengetahuan agama termasuk berkaitan dengan wanita.

Hadir selaku penceramah jemputan dalam program tersebut ialah Timbalan Dekan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Zurairatul Zakiah binti Dato Seri Haji Rajid.

Beliau antara lain menekankan mengenai pentingnya masyarakat mengetahui perbezaan pelbagai jenis darah wanita kerana ia dapat memberi kesan terhadap sahnya atau tidak dan hukum hakam amal ibadat sehariannya.

Di samping itu, ceramah juga turut diisikan dengan pengertian, ciri, cara, perbezaan dan perkiraan hari berkenaan hadats besar wanita termasuk haidh, istihadah dan nifas, serta hukum hakam mengenainya. Program diikuti dengan sesi soal jawab daripada para peserta. ■



أسماء الابناء

NAMA ANAK LAKI-LAKI

Hazqil

حزقيل

Nisbah nama nabi

Nama-Nama  
**BISAI**  
untuk anak  
damit



أسماء البنات

NAMA ANAK BINI-BINI

Rifqah

رفقة

Persahabatan

Balqis

بلقيس

Nisbah nama pemerintah  
negeri Saba'  
di zaman Nabi Sulaiman

Salsabila

سلسلية

Mata air di syurga

Mikha

ميخا

Nisbah nama nabi

Daniel

دانیال

Nisbah nama nabi

Rasullallah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

“Berilah nama dengan namaku, dan jangan beri gelaran dengan gelarku (Abul Qasim) kerana sesungguhnya aku diutus sebagai pembahagi yang membagi-bagikan (ajaran) di antara kamu.”  
(Hadits Riwayat Imam Muslim)

# KHEU BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA SEMPENA MEMPERINGATI ULANG TAHUN PELAKSANAAN PENDIDIKAN UGAMA FORMAL KE-66 TAHUN

Oleh : Azizah Hidup



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yasin dan Tahlil bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.**

## BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Safar 1444 bersamaan 15 September 2022

– Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yasin dan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertempat di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan.

Majlis tersebut diadakan bersempena dengan memperingati Ulang Tahun Pelaksanaan Pendidikan Ugama Formal Ke-66 di Negara Brunei Darussalam.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Di majlis tersebut bacaan surah Yasin beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat, Ketua Unit Al-Qur'an, Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam diikuti dengan bacaan tahlil dan doa arwah.

Seramai 300 orang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai termasuk guru-guru dari sekolah-sekolah arab dan ugama menghadiri majlis tahlil tersebut.

Turut Hadir Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama serta ketua-ketua jabatan dan bahagian di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama termasuk pemimpin-pemimpin dan tenaga pengajar sekolah-sekolah arab dan ugama.